

BAB EMPAT

BAB EMPAT
BAHAGIAN 1

4.1 LATAR BELAKANG RESPONDEN

Pendahuluan

Dari segi latarbelakang responden, dari 100 responden yang diambil secara rawak dari kursus-kursus bimbingan agama serta latihan yang dianjurkan oleh Unit Dakwah Saudara Kita, JAIS yang melibatkan semua peserta dari sembilan daerah negeri Selangor.

4.1.1 Tahap Umur Responden

Dalam kajian ini, didapati responden datang dari pelbagai tingkat umur namun yang mendapat peratusan tertinggi ialah golongan belia, mereka di antara 20 tahun hingga 40 tahun, diikuti rapat golongan remaja, mereka berumur 20 tahun ke bawah dan yang paling sedikit ialah golongan dewasa tua.


Golongan belia ini diwakili seramai 49 orang iaitu 49% , manakala golongan awal belia / remaja mencatatkan bilangan seramai 45 orang atau 45% dan bakinya iaitu 6 orang ialah orang dewasa tua.

Hasil statistik ini akan membawa kita kepada penentuan jenis sample juga kaedah pendekatan kursus serta bimbingan yang berbeda mengikut umur serta pengalaman latar belakang akademik masing-masing.

Jadual 1

Tahap Umur Responden

PERINGKAT UMUR	BIL RESPONDEN	PERATUS
20 Tahun ke bawah	45	45%
20 Tahun – 40 tahun	49	49%
40 Tahun ke atas	6	6%



Sumber : Borang soal selidik

4.1.2 Jantina Responden

Seperti biasa, responden yang majoriti ialah golongan perempuan berbanding lelaki.

Keputusan ini rasanya tidak mengejutkan kita kerana ada beberapa faktor :-


1. Pertambahan kaum hawa berbanding lelaki di dalam semua lapangan.

2. Kecenderungan kaum Hawa untuk mengikuti program bimbingan agama secara konsisten.⁶⁸

Jadual 2

Jantina Responden

JANTINA	BIL RESPONDEN	PERATUS
Lelaki	34	34%
Perempuan	66	66%



Sumber : Borang soal selidik

4.1.3 Bangsa Responden

Dalam kaji selidik yang dibuat ini, memperlihatkan catatan peratusan yang tinggi iaitu 58% dari golongan Orang Asli, 20% bangsa Cina, India 15% dan bakinya seramai 7% datang dari lain-lain yang merangkumi bangsa-


⁶⁸ Encik Maskur Ma, bahagian Kebajikan Mualaf, Jabatan Agama Islam Daerah Gombak, temubual 12 Mac 2000.

bangsa bumiputra Sabah dan Sarawak seperti Kadazan , Murut dan sebagainya.

Ini menggambarkan keinginan serta kecenderungan belajar yang tinggi dari masyarakat Orang Asli yang merupakan masyarakat peribumi asal yang banyak tinggal di pedalaman. Begitu juga dari bangsa-bangsa utama seperti Cina dan India. Namun bilangan mereka perlu ditingkat oleh dari masa ke semasa.

Jadual 3
Bangsa Keturunan

BANGSA	BIL RESPONDEN	PERATUS
India	15	15 %
Cina	20	20 %
Orang Asli/ Peribumi	58	58 %
Lain-lain	7	7 %



Sumber : Borang soal selidik

4.1.4 Tahap Pendidikan Responden

Penulis seterusnya mengemukakan soalan berkaitan dengan latar belakang pendidikan. Responden ditemui terdiri daripada yang tidak bersekolah, mereka yang hanya tamat sekolah rendah, peringkat menengah dan ada juga responden yang tamat di peringkat Kolej / Universiti .

Bagi responden dari golongan yang tak bersekolah seramai 10 orang atau 10 %, mereka yang hanya di sekolah rendah hanya 15 orang atau 15 % peratus, manakala yang berpendidikan menengah pula seramai 63 orang atau 63%, manakala yang mendapat pendidikan tinggi iaitu seramai 11 orang atau 11%.

Dari sini kita dapat membuat beberapa kesimpulan. Pertamanya adakah isu latar belakang pendidikan ini memberi kesan kepada faktor pengislaman beramai-ramai di negara kita atau hal yang sebaliknya iaitu tiada kaitan. Sedangkan melalui sistem pendidikanlah sebenarnya manusia akan lebih memahami serta mengetahui sesuatu hakikat yang tersembunyi. Bukankah Islam itu satu hakikat serta cara hidup yang indah dan agung yang tersembunyi disembunyikan oleh musuh-musuh Islam. Maka melalui disiplin pendidikanlah tembok pemisah ini dapat dirobohkan.


Kalau kita lihat hasil kaji selidik ini (Jadual 4) mendapati masyarakat berpendidikan tinggi kurang dalam masyarakat mualaf. Ini membawa mesej bahawa usaha-usaha secara tersusun untuk menghidangkan Islam secara indah melalui pendidikan am tidak dijalankan secara serius oleh pihak yang bertanggungjawab.

Jadi diharapkan pihak yang berkenaan dapat mengoptimalkan peruntukan mualaf bagi mengadakan program-program penerangan pendidikan kepada golongan ini melalui pendekatan forum, seminar, wacana minda dan sebagainya bagi menerangkan keindahan Islam kepada seluruh masyarakat. Pihak Kementerian Penerangan melalui Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) boleh membantu dengan memperbanyakkan program-program seumpama ini.

Jadual 4

Aliran Pendidikan Responden

ALIRAN	BIL RESPONDEN	PERATUS %
Tak bersekolah	10	10 %
Sekolah Rendah	15	15 %
Sekolah Menengah	63	63 %
Pendidikan tinggi	11	11 %
JUMLAH	100	100 %



Sumber : Borang soal selidik

4.1.5 Tahap pendapatan

Untuk mendapat jawapan soalan ini, penulis memastikan hanya ketua keluarga sahaja yang akan mengisi jawapan. Hasilnya didapati ada juga muaf wanita yang berstatuskan ibu tunggal yang bekerja bagi menyara pengajian dan persekolahan anak-anak mereka. Namun bilangan mereka tidaklah ramai.


Jadual 5

Tahap pendapatan Ketua keluarga

Tahap pendapatan	Bil. Responden	Peratus
Kurang RM800	44	44 %
RM800-RM1200	45	45 %
Lebih RM1200	11	11 %

Dari kajian yang dilakukan penulis, memperlihatkan bahawa tahap penerimaan Islam di kalangan muafaf masing-masing berlegar kepada mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah. Dalam soalan pendapatan, penulis mengklasifikasikan pendapatan kurang RM800 sebagai rendah dan RM800 sehingga RM1200 sebagai sederhana dan RM1200 sebagai pendapatan baik. Namun ia bergantung dengan tempat tinggal dan besar atau kecil saraan sesebuah keluarga muafaf itu.

Hasil kajian tersebut mencatatkan golongan rendah sebanyak 44%, golongan sederhana 45% dan golongan berpendapatan baik mencatatkan peratus terendah iaitu 11%.



Sumber : Borang soal selidik

4.1.6 Kesimpulan

Kajian bahagian satu ini menjelaskan beberapa isu yang perlu diambil kira dalam menyalurkan hak kepada masyarakat mualaf :-

1. Pihak berwajib perlulah memastikan tujuan pengislaman mereka benar-benar suci dari maksud lain dengan menggunakan pendekatan pengajaran yang berterusan dalam amalan seharian.
2. Mencari pendekatan yang terbaik untuk menarik golongan yang berpendapatan baik yang mewakili golongan professional bagi memahami Islam.
3. Memastikan tenaga guru atau pengajar yang mendidik golongan mualaf ini sentiasa dibela keperluan serta kebajikan mereka agar sentiasa bersemangat dengan tenaga istiqamah yang tinggi serta komitmen yang teguh dalam menyampaikan dakwah serta didikan kepada golongan mualaf secara *on call* dan jadual yang berterusan.
4. Menyediakan pakar *da'ie* mengikut bangsa dan kaum di Malaysia yang dapat berbicara dengan masyarakat mualaf dan keluarga asal mereka dengan lebih berhikmah.
5. Menyelaraskan modul kefahaman Islam untuk masyarakat mualaf dalam perbagai bahasa dan latar belakang pendidikan.

BAHAGIAN II

4.2 HUBUNGAN KELUARGA MUALAF

Pendahuluan

Pada bahagian ini, penulis ingin mendapatkan maklum balas keluarga masyarakat mualaf apabila salah seorang dari ahli keluarga mereka memeluk agama Islam .


4.2.1 Reaksi Keluarga Mualaf

Isu yang pertama ialah reaksi awal keluarga responden apabila mengetahui responden memeluk agama Islam. Dalam soalan yang dijawab oleh responden, saya menyenaraikan empat reaksi spontan saudara mara mualaf setelah mengetahui pemelukan mereka akan agama Islam. Dari empat itu dibahagikan kepada dua iaitu reaksi positif dan negatif.

Dari maklum balas yang diterima (lihat Jadual 6), tidak ramai golongan mualaf yang menerima reaksi positif dari keluarga apabila mengetahui bahawa mereka memeluk Islam. Dari kaji selidik itu menyatakan mereka yang menerima reaksi positif pula mencatatkan hanya 13% peratus sahaja. Manakala 87 % dicatatkan mewakili mereka yang menerima reaksi negatif seperti dimarahi, disingkirkan bahkan ada yang dipulaukan dari keluarga besar yang asal.

Jadual 6
Reaksi Keluarga Mualaf

REAKSI	BIL . RESPONDEN	PERATUS
POSITIF - Beri dorongan - Biasa sahaja	13	13 %
NEGATIF - Marah / disingkirkan - Memujuk kembali kepada agama asal	87	87 %



Sumber : Borang soal selidik

4.2.2 Sebab – sebab halangan


Apabila membicarakan hak golongan muallaf, kita perlu melihat keperluan kehidupan yang utama iaitu kasih sayang dalam kehidupan keluarga. Ada muallaf yang bernasib baik dan kebanyakan mereka yang terpaksa berpisah dari keluarga selepas memeluk Islam.

Dari kajian yang dilakukan sebab utama halangan tersebut adalah salah faham dan prasangka keluarga mereka terhadap agama Islam . Penulis memberikan tiga jawapan pilihan. Hasilnya sebanyak 67% peratus faktor halangan adalah kerana bimbang selepas anak mereka memeluk Islam, mereka akan bertindak menjauhi mereka. Manakala 26% daripada mereka terpengaruh dengan media masa yang menyiarkan kononnya Islam dan umat Islam itu terlibat dengan keganasan lalu tidak mahu anak atau ahli keluarga mereka menjadi salah seorang pengganas. Hanya 7% dicatatkan bahawa mereka memandang masyarakat Islam dengan pandangan negatif.

Jadual 7

Sebab halangan keluarga

SEBAB	BIL RESPONDEN	PERATUS
Sikap masyarakat Melayu yang negatif	7	7 %
Terpengaruh dengan media massa yang menyiarkan Islam itu ganas	67	67 %
Bimbang anda akan menjauhi mereka	26	26 %



Sumber : Borang soal selidik

4.2.3 Hubungan dengan keluarga asal selepas Muslim

Dari 100 responden yang diberikan soal kaji selidik itu, seramai 69% memilih jawapan kurang mesra, manakala jawapan 'mesra' mencatatkan sebanyak 18% , manakala peratus 13% adalah pilihan responden kepada 'biasa'.

Dari peratusan ini, menunjukkan masalah komunikasi yang kurang baik dalam masyarakat mualaf hasil dari pendedahan ilmu Islam yang kurang atau ada sebab-sebab lain. Masalah ini bukan melanda mualaf sahaja bahkan masalah ummah secara keseluruhan yang mungkin disebabkan kurang perhatian dari keluarga ataupun faktor persekitaran tempat tinggal dan sebagainya..

Pihak berwajib perlulah berbuat sesuatu untuk mengatasi perhubungan yang tidak mesra di dalam pembentukan keluarga muslim yang harmoni. Kita tak mahu nanti hal ini menjadi satu kebiasaan buruk iaitu seorang mualaf sebelum Islamnya merupakan ahli keluarga yang baik dengan keluarganya akan tetapi apabila setelah memeluk Islam, seolah-olah Islam itu menghalangnya untuk bergaul mesra dengan keluarganya yang asal.


Penulis mencadangkan agar pengajaran psikologi komunikasi dimasukkan di dalam sukatan latihan di dalam kursus asas kepada golongan mualaf. Ia turut merangkumi aspek dalaman peribadi, kekeluargaan dan juga kemasyarakatan

agar selepas menjadi seorang muslim, perhubungan dengan keluarga asal bertambah rapat dan bertambah mesra.

Jadual 8

Hubungan dengan keluarga selepas menjadi Muslim

TAHAP	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Mesra	18	18
Biasa	13	13
Kurang mesra	69	69



Sumber : Borang soal selidik

4.2.4 Budaya ilmu dalam keluarga muslim

Dalam 100 responden, hanya 10 % sahaja golongan mualaf yang selalu mengadakan perbincangan berkaitan dengan amalan Islam. Manakala 76% memberikan jawapan kadang-kadang dan 12% sahaja menjadi tidak pernah.


Kajian ini menunjukkan bahawa budaya ilmu atau budaya bertanya dan berbincang agak malap dalam masyarakat mualaf. Ia boleh mempengaruhi amalan beragama dalam kehidupan sehari-hari. Hal ini lebih parah lagi, sekiranya anak-anak mualaf ini tidak dibimbing oleh ibu-bapa mereka dengan amalan asas dalam Islam, bimbingan bersuci misalnya atau pedoman halal atau haramnya sesuatu makanan.

Pihak berwajib perlulah mengadakan guru-guru *on call* yang boleh dihubungi bila-bila masa untuk bimbingan asas-asas Islam.

Jadual 9

Budaya ilmu di kalangan keluarga mualaf

PERBINCANGAN Dalam masalah agama	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Selalu	10	10
Kadang-kadang	76	76
Tidak Pernah	12	12



Sumber : Borang soal selidik

4.2.5 Kesimpulan

Kesimpulan yang dapat dirumuskan bahawa kebanyakan masyarakat mualaf sering berhadapan dengan masalah komunikasi dengan keluarga asal sebelum dan selepas memeluk Islam. Mereka mestilah dibantu dengan program pendidikan berkala serta berjadual di dalam rumah dan diluar rumah.

Peruntukan asnaf mualaf yang disalurkan mestilah meliputi kos pendidikan psikologi komunikasi dengan keluarga, masyarakat asal dan juga kemahiran komunikasi dengan masyarakat Islam yang baru dikenalnya.

Mereka juga hendaklah di dorong menyertai persatuan – persatuan badan bukan kerajaan setempat seperti Persatuan Saudara Baru India (Al – Hidayah), Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan lain lain lagi yang dapat membantu kehidupan baru mereka.

BAHAGIAN III

4.3 TAHAP KEFAHAMAN ISLAM

Pendahuluan

Oleh kerana pendedahan mengenai Islam dan pergaulan bersama masyarakat Islam agak terbuka di dalam masyarakat hari ini samada melalui media cetak mahupun media elektronik, penulis ingin mengetahui sejauh manakah tahap pendedahan yang boleh membawa kefahaman Islam tersebut.

4.3.1 Status Personaliti Diri setelah memeluk Islam


Soalan ini penting untuk menguji kefahaman mereka tentang Islam di awal-awal pemelukannya mereka akan agama Islam. Adakah mereka menyedari personaliti status mereka, muslimkah atau melayu ?. 67% dicatatkan kepada jawapan personaliti Muslim dan bakinya sebanyak 33% kepada personaliti bangsa Melayu.

Ini menunjukkan sindrom 'masuk Islam itu bererti masuk Melayu' masih lagi bersarang di pemikiran masyarakat mualaf di Malaysia ini. Mungkin disebabkan majoriti Melayu itu Islam menyebabkan mereka berfikiran sedemikian. Penulis mencadangkan agar para mualaf diberi pendedahan secara berterusan perihal tokoh-tokoh Muslim *non-malay* kontemporari yang berjaya di dalam hidup bagi mengikis tanggapan bahawa Islam itu Melayu, Melayu itu Islam.

Jadual 10

Personaliti selepas memeluk Islam

STATUS	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Bangsa Melayu	33	33
Muslim	67	67



Sumber : Borang soal selidik

4.3.2 Kesungguhan mengamalkan ajaran Islam

Antara yang awal yang akan didedahkan kepada mualaf ialah amalan agama yang asas iaitu solat lima kali sehari semalam. Kajian ini nak mendapatkan jawapan status amalan mereka itu yang dibahagikan kepada dua iaitu sempurna dan tak sempurna. Di sini penulis menilai kesempurnaan yang mampu dinilai iaitu dari aspek kekerapan solat lima kali sehari semalam, bukan penilaian berdasarkan khusyuk dan kesempurnaan syarat sah atau rukun solat.


Hanya 33% sahaja yang menyatakan kesempurnaan mereka mengerjakan solat lima kali sehari semalam dan baki iaitu mencatatkan 67% mewakili kepada 67 responden yang tidak sempurna mendirikan solat.

Setelah melihat isu ini penulis mencadangkan penerangan serta bimbingan mengenai ibadah solat dengan kaedah *smart solat* agar mereka tidak merasakan ibadah solat itu satu bebanan. Untuk itu sukatan *feqh al-solāt* hendaklah mengandungi praktikal amali dan hikmah, falsafah dan juga *faḍha'il* solat.

Jadual 11

**Kesungguhan Mengamalkan Islam :
Sample amalan solat**

KEKERAPAN SOLAT	BIL RESPONDEN	PERATUS
Sempurna 5 kali sehari	33	33
Tak sempurna	66	66



Sumber : Borang soal selidik

4.3.3 Pilihan Bahasa Pengantar Pengajaran Agama Islam

Dalam maklum balas yang diterima, konsep “ *al-‘Ādah Muḥākkamah* seolah-olah diterima oleh kebanyakan responden.⁶⁹ Umum setuju bahawa pengajaran pengajian Islam diajar dalam bahasa Malaysia dengan catatan sebanyak 72% iaitu seramai 72 orang, manakala 28 % iaitu seramai 28 orang mahukan dalam bahasa ibunda .

Penulis merasakan pengaruh bahasa Melayu ini telah mula berperanan dengan bahasa ilmu terutama berkaitan dengan ilmu tradisi pengajian Islam. Kalau di sebelah Timur Tengah, syarat besar untuk memahami Islam ialah dengan perantaraan bahasa Arab, maka bolehlah dikatakan di sebelah sini,

⁶⁹ Menurut prinsip tersebut, *fuqahā*’ telah merumuskan bahawa sesuatu adat kebiasaan masyarakat yang tidak bercanggah dengan nas, prinsip dan roh syariah adalah mempunyai nilai hokum bagti mensabitkan hokum syarak yang tidak dinaskan secara terperinci, lihat Ṣāliḥ ibn Ghānim al-Sadlān (Dr.) (1417H), *al-Qawā’id al-Fiqhiyyah al-Kubrā wa mā Tafarra’u ‘anha*. Riyād: Dār Balnasiyyah, m. s. 325-489

pengajaran ilmu tradisi ilmu-ilmu Islam diperolehi dengan pengantara bahasa Melayu.


Namun hasil yang diterima (rujuk jadual 11 dibawah) sepatutnya menjadi cabaran kepada pihak berkuasa untuk memenuhi keperluan *mad'ū* yang secara tersiratnya mahukan agama Islam ini di*universalkan* atau diglobalisasikan sesuai dengan rohnya yang asal iaitu menjadi rahmat kepada sekalian alam.

Boleh juga diperkenalkan kursus jangka pendek dan panjang untuk para pendakwah terutama bahasa Mandarin, juga Kantonis dan bahasa Tamil, tidak ketinggalan bahasa-bahasa suku-suku Orang Asli juga kaum-kaum di Sabah juga Sarawak.

Jadual 12

Pilihan Bahasa pengantar

BAHASA	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Melayu	54	54
Asal bangsa	46	46



Sumber : Borang soal selidik

4.3.4 Mengikuti Kelas al-Qur'an

Al-Qur'an adalah kitab suci yang diturunkan Allah SWT kepada manusia. Ia mengandungi petunjuk dan ke jalan kebenaran Ilahi. Mrenjadi pedoman serta panduan bagi umat Islam dalam melayari kehidupan sehingga bertemu dengan Allah SWT. Syarak mewajibkan seseorang muslim membaca al-Qur'an di dalam solat dan menganjurkannya di luar solat bagi memperolehi rahmat dan menjunjung perintah Allah SWT. Seseorang mualaf juga turut diwajibkan unrtuk mempelajarinya dari peringkat asas-asas huruf dan tajwid al-Qur'an.


Kajian ini menunjukkan bahawa 57% dari responden menyatakan bahawa mereka baru belajar dan 13% peratus yang menyatakan mengikut kesesuaian

masa 'kadang-kadang', manakala 30% menunjukkan bahawa mereka masih belum memulakan pengajian al-Qur'an.

Jadual 13

Mengikuti Kelas Al-Qur'an

STATUS	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Kadang-kadang	13	13
Sedang belajar	57	57
Belum belajar	30	30



Sumber : Borang soal selidik

4.3.5 Kesimpulan

Pihak yang bertanggungjawab mestilah melihat masalah awal yang dihadapi oleh masyarakat mualaf. Ini termasuk gambaran mengenai Islam yang ada di dalam pemikiran mereka. Ini penting bagi para pendakwah juga pihak berwajib yang akan mendidik mereka sehingga menjadi muslim mukmin yang berjaya.

Cadangan agar menyediakan sukatan al-Qur'an dan pengajian tajwid dalam pelbagai pendekatan yang mesra-mualaf bagi menarik minat mereka mendalami al-Qur'an.

Bahagian IV

4.4 Pengetahuan mengenai Hak Mualaf

Pendahuluan

Oleh kerana, tajuk desertasi ini adalah berkenaan dengan hak golongan mualaf, penulis ingin mengetahui sejauh mana pemahaman mereka mengenai hak mereka sendiri.


4.4.1 Bentuk hak yang sewajarnya mereka terima

Menurut maklum balas yang diterima, majoriti responden mahukan masalah mereka dibantu iaitu seramai 67 orang (67%), 15 % dari mereka perlukan tempat tinggal, 13 % mahukan peluang pekerjaan dan 10% mahukan bantuan kewangan.

Jadual 14

Pengetahuan tentang bentuk Hak

ITEM	BILANGAN RESPONDEN	PERATUS
Diberi bantuan dan perhatian oleh masyarakat Islam	62	62
Pekerjaan	13	13
Kewangan	10	10
Tempat tinggal	15	15



Sumber : Borang soal selidik

Cadangan

Cadangan agar setiap isi rumah keluarga mualaf diadakan *check list* hak-hak serta bantuan yang perlu diberikan kepada golongan ini, bantuan serta hak mungkin berbeza berdasar kaum atau tempat persekitaran mahupun usia para mualaf. Ada yang memerlukan peluang pekerjaan, manakala ada yang berhadapan dengan masalah keluarga yang memerlukan bantuan kaunseling dan komunikasi yang baik dari masyarakat Islam setempat.

4.4.2 Hak mualaf yang awal telah diperolehi.

Dalam kajian yang dilakukan, penulis ingin mendapat maklumat berkenaan dengan hak yang telah diterima oleh mereka sebagai golongan mualaf. Berdasarkan dari jawapan yang diterima sebanyak 62 responden iaitu 62% menyatakan bahawa Kursus Bimbingan Asas Islam yang terancang telah diperolehi sejak awal mereka memeluk Islam. Sebanyak 19% peratus

menyatakan dapat berhubung dengan kaunselor, golongan mualaf yang merupakan responden saya juga telah menunjukkan kesukaran mereka untuk mendapatkan pekerjaan iaitu hanya 4 % yang mendapat pekerjaan dan rumah tempat tinggal selepas memeluk Islam hanya sebanyak 15 % .

Cadangan


Dari Jadual di bawah (Jadual 15), kita dapat membuat analisa tentang hak yang perlu diberikan kepada golongan mualaf. Pihak berwajib perlu berbuat sesuatu agar kebajikan serta keperluan hidup mereka yang asas dapat diadakan. Dalam menyediakan peluang pekerjaan, Jabatan Agama Islam Selangor boleh bekerjasama dengan Jabatan Tenaga Rakyat bagi menyediakan peluang latihan dan pekerjaan bagi golongan mualaf dan seterusnya menempatkan mereka ke pekerjaan yang sesuai, juga dapat menempatkan mereka di pusat Latihan Kemahiran seperti Institut Kemahiran Mara (IKM) dan lain-lain lagi. Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) pula disyorkan agar mengutamakan pengambilan pekerja dari kalangan mualaf lalu diserapkan ke syarikat-syarikat miliknya. Ini penting bagi membela nasib golongan mualaf yang teraniaya oleh majikan atau keluarga mereka.

Jadual 15

Hak yang awal diperolehi

ITEM	BIL. RESPONDEN	PERATUS
Kursus Bimbingan Kefahaman Islam yang terancang	62	62
Kauselor yang dapat membantu	19	19
Pekerjaan	04	04
Rumah Perlindungan Mualaf	15	15

Begitu juga dengan isu tempat tinggal selepas dihalau keluar dari rumah. Dalam hal ini pihak pemimpin tempatan terdiri daripada Jawatan Kuasa Kampung (JKKK) atau pengurusan Persatuan Penduduk di taman-taman perumahan juga rukun tetangga mestilah sentiasa peka dengan masalah ini terutama di kawasan Lembah Kelang. Ini adalah untuk memastikan keperluan masyarakat mualaf ini terbela dengan adanya rangkaian maklumat serta pembelaan yang sistematik. Pihak berkuasa tak perlulah menunggu sehingga mualaf tersebut tertekan perasaan atau terpaksa menumpang kembali di rumah keluarganya yang asal dan akhirnya kembali memeluk agama anutan keluarga mereka.



Sumber : Borang soal selidik

4.4.3 – Kesimpulan .

Dengan pemerhatian kepada empat latar penting masyarakat mualaf yang merupakan responden jelas membuktikan bahawa sebarang bentuk bantuan hak dan kebajikan mestilah mengambil kira latar belakang sasaran juga melihat masalah dalaman keluarga mualaf yang memerlukan bimbingan juga kaunseling.

Pihak berwajib juga hendaklah serius dalam menangani isu hak pendidikan fardhu ain dengan meletakkan sasaran tahap kefahaman Islam. Ini boleh dilakukan dengan menyediakan sukatan pengajian Islam merangkumi al-Qur'an dan asas fardhu ain pelbagai aras dan bahasa yang mesra mualaf. Mereka juga boleh dibekalkan dengan kaset,cd, buku, vcd panduan fardhu ain sebagai susulan pengukuhan di rumah.